

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

RPK 342 - Sejarah Perancangan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Soalan 1 adalah Wajib.

PILIH soalan 1(a) ATAU 1(b).

1. a) Kenapakah terdapat begitu banyak pendekatan-pendekatan perancangan sepanjang sejarah manusia?

Adakah perbezaan lokasi, pertukaran zaman atau pun sumbangan faktor-faktor lain yang telah menghasilkan kepelbagaian ini?

(25 markah)

- b) Daripada pelbagai pendekatan perancangan yang telah didedahkan di dalam kursus ini, pendekatan manakah yang anda rasakan paling sesuai untuk diserapkan ke dalam sistem perancangan di Malaysia hari ini?

Bahaskan.

(Anda boleh mencantumkan aspek-aspek daripada beberapa gaya untuk menghasilkan satu pendekatan baru)

(25 markah)

2. Apakah persamaan-persamaan utama yang terdapat pada pelan-pelan Ebenzer Howard, Frank Llyod Wright, Soria Y Mata dan Paolo Soleri? Kenapakah pelan-pelan mereka tidak diminati untuk digunapakai oleh pihak-pihak berkuasa pada zaman mereka?

(25 markah)

...2/-

3. a) Apakah prinsip-prinsip utama yang menjadi panduan di dalam pembangunan bandar-bandar Islam?
- b) Bagaimanakah prinsip-prinsip ini mempengaruhi reka-bentuk sesebuah bandar?

Bincangkan dengan memberikan contoh-contoh tepat.

(25 markah)

4. a) Apakah yang dimaksudkan dengan "rekabentuk formal"?
- b) Di mana dan zaman bilakah ia terdapat?
- c) Apakah keistimewaan dan keburukan perancangan secara begini?

(25 markah)

5. Jika dilihat pada bandar Georgetown (Pulau Pinang), apakah peninggalan-peninggalan sejarah yang masih terdapat di dalam rupabentuknya? Apa pula unsur-unsur baru yang terdapat di dalamnya?

Bincangkan.

(25 markah)

6. a) Apakah kesan utama Revolusi Industri kepada bentuk fizikal bandar?
- b) Apa pula kesannya kepada aspek bukan fizikal bandar, dan apakah akibat kesan ini kepada pemikiran perancangan?

(25 markah)

oooOoooo